

PEMERIAN POLISEMI “DATANG”: SATU ANALISIS LINGUISTIK KOGNITIF*

Rusmadi Hj. Baharudin

Abstrak

Polisemi – kata yang ekabentuk fonologinya tetapi multisensa dan berkaitan semantiknya – bermasalah kepada teori semantik dan aplikasi semantik seperti leksikografi, terjemahan dan sistem pemprosesan bahasa tabii. Dalam praktis perkamusan, tiada kriteria yang objektif untuk menganalisis dan mengendalikan kata yang berpolisemi. Kajian ini meneroka polisemi leksikal dengan satu telaah yang mendalam tentang kata “datang”. Dengan menerapkan kerangka kerja linguistik kognitif, kajian ini memperlihatkan bahawa kata yang polisemantik sifatnya ini mempunyai struktur radial yang sistematik binaannya. Sensa pinggiran terbit daripada sensa yang teras. Ketersalingkaitan yang diperlihatkan oleh setiap sensa itu adalah bermotivasi sifatnya dan bukanlah arbitrari penampilannya. Peluasan semantiknya berlaku melalui projeksi metafora konsepsi dan metonimi serta transformasi skema imej. Kajian ini telah mencuba menggunakan jaringan semantik “datang” yang sangat kemas binaannya ini sebagai asas untuk menyusun semula makna dan mengendalikan entri yang berpolisemi ini di dalam kamus.

Abstract

Polysemy – a multiple but related meanings for a single form – poses a problem in semantic theory and the semantic applications such as lexicography, translation and natural language processing system. In lexicographic practice, there is no objective criteria for the analysis and the treatment of a polysemous word. This study explores lexical polysemy through an in-depth examination of a Malay simple stem verbs: datang. Working within a cognitive linguistic framework, the present study shows that this polysemous word is systematically and radially structured. Its

subsenses are derived from a core sense. The senses are non-arbitrary but they are shown in their well-motivated interrelations through the conceptual metaphor and metonymy projections and the image-schematic transformations. The study has made an attempt to use this highly organised semantic network as a basis for the arrangement and treatment of meaning of this polysemous headword in the dictionary.

Matan: polisemi, linguistik kognitif, metafora konsepsi, struktur radial, sensa, leksikografi.

PENDAHULUAN

Bahasa itu bermacam sifatnya dan berpencar-pencar pula aturan dan maknanya. Misalnya, satu kata dapat mengungkapkan pelbagai jenis makna. Sifat kata yang mempunyai lebih daripada satu makna ini sering disebut kata yang berpolisemi dalam kosa ilmu semantik. Bagi pengguna bahasa dan melalui pengalaman harian mereka yang sering meneliti kata di dalam kamus, kenyataan bahawa wujudnya kata yang berpolisemi sememangnya disedari. Dan, bagi penyusun kamus pula, untuk memaklumkan pengguna bahawa kata ini mempunyai lebih daripada satu makna, lazimnya konvensi yang digunakan ialah setiap makna yang terbit daripada satu entri itu akan ditandai dengan nombor.

Fenomena semantik dengan satu kata yang membawa pelbagai makna ini walaupun langka masalahnya dalam penggunaan bahasa kecuali dalam konteks atau sebagai input kecinaan dan permainan kata, tetapi polisemi sering membawa masalah dalam teori semantik atau aplikasi semantik seperti kerja-kerja terjemahan dan leksikografi. (Ravin, Yael dan Leacock, Claudia, 2002:1)

Bagi penyusun kamus, kerencaman sifat dan keterpencaran makna sesuatu kata yang polisemi sifatnya itu harus diladeni secara berhemat agar keunikan dan keestetikaan bahasa itu dapat diserlahkan dalam karya mereka. Di manakah sesuatu kata itu bermula maknanya, dan di manakah pula sempadan pemisah antara satu sensa dengan sensa yang lain di bawah entri yang sama, dan di manakah pula batas akhirnya? Ketidakselarasan pengendalian entri yang berpolisemi ini dapat kita kesiani apabila wujudnya perbezaan, terutama dari segi pecahan makna yang diberikan untuk satu entri

* Makalah ini dibentangkan pada Seminar Kebangsaan Linguistik, 12–13 April 2005 di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor Darul Ehsan.

itu dan kandungan definisinya apabila kita merujuk atau membandingkan satu kamus dengan satu kamus yang lain.

Makalah ini akan meneroka polisemi leksikal kosa kata Melayu, iaitu kata kerja **datang** dan akan dibicarakan dalam kerangka ilmu linguistik kognitif. Bagaimanakah pengendalian kata yang berpolisemi ini dalam karya leksikografi Melayu, khususnya di Malaysia? Dengan berbantuan data korpus berkomputer¹, makalah ini akan mencuba melihat persoalan ini dan memaparkan satu kajian awal, iaitu dengan memperlihatkan bahawa kata kerja **datang** yang polisemantik sifatnya ini mempunyai struktur radial yang sistematik binaannya. Sensa pinggiran terbit daripada sensa yang teras. Ketersalingkaitan yang diperlihatkan oleh setiap sensa itu adalah bermotivasi sifatnya dan bukanlah arbitrari penampilannya. Peluasan semantiknya berlaku melalui projeksi metafora konsepsi dan transformasi skema imej. Selanjutnya, kajian ini mencuba menggunakan jaringan semantik **datang** yang sangat kemas binaannya ini sebagai asas untuk menyusun semula makna dan mengendalikan entri yang berpolisemi ini di dalam kamus.

MOTIVASI DALAM LINGUISTIK KOGNITIF

Dalam kosa ilmu linguistik kognitif, motivasi adalah fenomena utama yang mendasari sistem konsepsi dan sistem linguistik. Motivasi menjadi fokus kerana kita lebih mudah memahami suatu konsep yang bermotivasi daripada suatu yang arbitrari sifatnya. Malah lebih mudah untuk kita mengingat sesuatu dan menggunakan pengetahuan yang bermotivasi daripada pengetahuan arbitrari (Lakoff, 1987:346). Motivasi tidak sama dengan ramalan kerana kita tidak menganggap bahawa kita dapat meramalkan makna perkataan **cabang** dalam ayat – *Malayan Banking Berhad mempunyai beberapa banyak cabang di seluruh Malaysia* – ataupun bahawa perkataan ini arbitrari maknanya. Sebaliknya, kita memahami makna yang dibawa oleh perkataan **cabang** dalam ayat tersebut kerana adanya metafora konsepsi yang memotivasi makna perkataan ini. Misalnya, satu metafora konsepsi yang dapat menjelaskan pewujudan sensa di atas adalah SISTEM YANG KOMPLEKS UMPAMA TUMBUHAN²

-
- 1 Kajian ini akan memanfaatkan Sistem Pangkalan Data Korpus DBP untuk penjanaan data.
 - 2 Dipadankan daripada yang asalnya, iaitu COMPLEX SYSTEMS ARE PLANTS (Kovecses, 1997). Yang dimaksudkan dengan sistem yang kompleks ialah konsep abstrak yang generik untuk merangkumkan pelbagai konsep yang lebih khusus seperti hal yang berlaku kepada manusia, syarikat, politik, pemikiran dan sebagainya.

yang lebih umum atau generik. Daripada yang umum inilah pula dapat diwujudkan satu metafora konsepsi yang lebih khusus sifatnya untuk menjelaskan pewujudan sensa ini, iaitu BERKEMBANGNYA INSTITUSI SOSIAL UMPAMA BERTAMBAH BESARNYA TUMBUHAN.

Metafora konsepsi adalah pengkonseptualisasian satu mandala yang dinyatakan oleh satu struktur mandala yang lain, iaitu pemetaan rentas mandala – daripada mandala punca kepada mandala sasaran. Dengan kata lain, metafora konsepsi terjadi apabila seseorang mengambil satu konsep yang dibentuk dalam satu mandala – mandala punca, dan mencuba mengkonseptualisasikannya dalam satu mandala yang lain – mandala sasaran.

Menurut Lakoff dan Johnson (1980), ada tiga jenis metafora konsepsi yang asas, iaitu metafora orientasi (*orientational metaphor*), metafora ontologi (*ontological metaphor*) dan metafora struktural (*structural metaphor*). Metafora orientasi ialah peluasan makna/konsep orientasi seperti DALAM – LUAR, ATAS – BAWAH, HADAPAN – BELAKANG kepada mandala bukan ruang. Metafora ontologi pula ialah pengkonseptualisasian benda yang abstrak (emosi, idea yang abstrak, fenomena persekitaran) menjadikannya seperti benda (biasanya entiti, benda konkrit atau tempat), misalnya: *Jalan menuju perdamaian masih jauh* (konsep perdamaian digambarkan seperti objek atau tempat), atau *kesihatannya semakin merosot* (kesihatan dilihat sebagai objek yang menggelongsor). Metafora struktural pula mengambil item-item yang banyak berstruktur dalam pengalaman hidup kita sebagai sumber mandala untuk kita memahami sesuatu konsep yang lain. Sebagai contoh, metafora struktur MANUSIA UMPAMA TUMBUHAN terselit di dalam pelbagai ungkapan metaforikal yang membolehkan kita merujuk kepada perkembangan fizikal seseorang dalam *perempuan muda yang sedang tumbuh*; kesedihan yang menjadi-jadi seperti *ratap yang berbuah-buah*; orang yang pucat dan lesu atau tidak bergaya seperti yang tergambar dalam: *gadis tua yang sudah layu*. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga jenis metafora ini tidak muncul secara terpisah-pisah sepenuhnya dan kadang-kadang bergerak bersama-sama dalam satu ungkapan. Misalnya dalam ungkapan *cinta mula berputik di hatinya*, ketiga-tiga jenis metafora ini digunakan: Metafora orientasi meluaskan penggunaan kata preposisi *di*, metafora ontologi menunjukkan cinta sebagai objek, dan metafora struktur yang memetakan pemahaman objek fizikal yang berputik (buah yang baru jadi) kepada pemahaman kita tentang timbulnya tanda-tanda perasaan sayang dalam diri seseorang.

Dengan menerapkan analisis motivasi dalam pencerakinan kata yang berpolisemi sifatnya, pemahaman kita tentang tali-temali hubungan makna

suatu kata itu menjadi lebih mudah. Makna kata dapat diperlihatkan sebagai mempunyai jaringan, iaitu kepelbagaian makna atau konsepsi semantik satu kata yang berpolisemi sifatnya itu dihubungkan antara satu dengan yang lain seolah-olah dalam satu rangkaian, dan daripadanya dapat pula dibentuk satu rangkaian kategori yang lebih besar atau dikenal sebagai kategori radial. Dalam satu struktur jaringan radial itu, ada satu kategori teras atau sentral, dan ada pula jantainya kategori lain yang berpaut bersama-sama dengannya.

PEMERIAN POLISEMI “DATANG”

Jika dilihat daripada pengkategorian semantik yang dilakukan oleh Asmah (1993) tentang kata kerja, kata **datang** dapat dimasukkan dalam kategori “kata kerja perbuatan gerak”. Yang dimaksudkan dengan perbuatan gerak ialah perbuatan yang merujuk kepada perbuatan bergerak dari satu titik ke satu titik yang lain. Dalam kes kata kerja **datang**, ada satu entiti *trajectory* (TR)³ yang bergerak dari suatu tempat ke satu tempat yang lain, biasanya ke arah penutur atau tempat yang dirujuk oleh penulis, iaitu *landmark* (LM).

Pergerakan ialah konsep yang paling asas dalam kehidupan kita. Konsep ini amat besar peranannya, bukan sahaja dalam penstrukturan persepsi kita malah dalam pengkonseptualisasian kita tentang apa-apa sahaja yang wujud di sekeliling kita melalui penggunaan bahasa. Apabila berlaku perubahan tanggapan tentang lokasi sesuatu entiti, maka kita tanggapilah bahawa entiti itu sedang bergerak. Pergerakan membabitkan ruang dan masa yang keduanya ialah mandala kognitif yang paling asas (Langacker, 1987). Pengalaman harian yang kita saksikan tentang benda yang bergerak ialah setiap pergerakan ada titik mulanya dan ada pula titik akhirnya. Lakoff (1987) dan Johnson (1992) mendakwa bahawa pemahaman kita tentang pergerakan berasaskan skema imej seperti PUNCA, LALUAN, MATLAMAT dan ARAH sebagai elemen strukturnya. Contoh yang paling mudah dan yang selalu kita alami adalah: Setiap kali kita bergerak ke mana-mana pun, sudah pasti kita bermula dari satu tempat dan berakhir pula di satu tempat

3 Istilah *trajectory* (TR) dan *landmark* (LM) diperkenalkan oleh Langacker dalam tatabahasa kognitif beliau. TR ialah peserta (subjek) yang diberikan tumpuan dalam satu senario yang diprofilkan. LM pula ialah titik tumpuan dan lazimnya menjadi peserta sokongan dalam satu-satu senario yang diprofilkan itu. TR biasanya ialah entiti yang bergerak dan saiznya pula lebih kecil daripada LM. Dalam senario pergerakan, TR akan bergerak ke arah LM. Dalam ayat: Aku tidak pernah datang ke daerah itu. TR diwakili oleh aku, manakala LM pula ialah daerah.

yang lain. Tempat yang akhir ini pula akan menjadi tempat permulaan untuk kita menuju ke satu tempat yang baharu pula. Begitulah pusingan pengalaman yang kita lalui tentang pergerakan kita sehari-hari. Ada sahaja PUNCA tempat permulaannya, ada juga LALUAN yang kita tempuh, ada juga MATLAMAT yang kita cari, dan ada juga ARAH yang kita tuju.

Bagaimanakah pendeskripsian makna kata **datang** ini dilakarkan di dalam kamus yang awal? Wilkinson (1959) menterjemahkan makna kata **datang** ini sebagai “coming”, dan “approach” di dalam kamus beliau. Manakala *Kamus Dewan Edisi 1970 (KD70)* pula meletakkan makna “sampai (tiba) di suatu tempat” sebagai makna yang pertama, di samping tiga (3) lagi makna lain. Hanya satu sahaja makna yang menunjukkan pergerakan di ruang fizikal yang dicatatkan oleh kamus ini, manakala yang lainnya tidak lagi menunjukkan pergerakan fizikal.

Penstrukturan Makna Kata “Datang” oleh KD3

Ada perkembangan makna yang dirakamkan oleh KD3, khususnya tentang makna pergerakan fizikal kata kerja **datang** ini. Dua lagi variasi telah ditambah, iaitu tentang TR menghampiri LM (makna 2) dan TR bergerak ke LM (makna 3). KD3 masih mengekalkan makna “sampai” yang dirakamkan oleh KD70 sebagai makna teras kata **datang** ini.

Kata **datang** ialah kata kerja perbuatan gerak dalam satu ruang fizikal atau konkrit. Daripada paparan makna yang dirakamkan oleh KD3, kata kerja **datang** ini telah meluas penggunaannya kepada mandala yang bukan ruang, iaitu mandala masa (makna 5 dan 7) dan mandala abstrak (makna 4 dan 6).

Jadual 1 Liputan makna entri **datang** yang dirakamkan oleh KD3.

Subjek/Mandala	Definisi
1 bkn orang/gerak ruang:	sampai, tiba (di suatu tempat)
2 bkn orang/gerak ruang:	bergerak menghampiri seseorang atau sesuatu tempat
3 bkn orang/gerak ruang:	pergi (berjalan, bergerak, dsb) sehingga sampai di sesuatu tempat (atau utk menemui seseorang dsb)
4 bkn orang/abstrak:	berasal (dr)
5 bkn masa/gerak masa:	hingga, sampai (bkn jangka masa dsb)
6 bkn fikiran/abstrak:	muncul, timbul
7 bkn masa/gerak masa:	yg akan tiba, hadapan, kemudian (bkn jangka masa dsb)

Penentuan Makna Teras Kata “Datang”

Makna pergerakan fizikal yang dinyatakan oleh KD70 hanya memprofilkan senario ketibaan seseorang atau sesuatu ke suatu lokasi. Makna ini tidak dikaji atau dianalisis semula oleh KD3 kerana terus dikekalkan sahaja perakamannya sebagai makna teras. Yang ditambah oleh KD3 ialah dua variasi lain yang menjadi komponen teras kepada kata kerja **datang**. Berdasarkan data yang dianalisis, kajian ini berpendapat bahawa makna teras yang dirakamkan oleh KD3 perlu dilihat semula. Hal ini demikian kerana makna “sampai” yang dirakamkan itu bukanlah makna teras tetapi bahagian daripada yang teras. Konsep **datang**, pada pandangan kajian ini, merangkum keseluruhan tahap pergerakan, iaitu yang datang itu sudah pasti ada tempat dimulakan perjalanannya, ada pula laluan yang ditempuh dan ada destinasi akhir yang disinggahinya. Sehubungan dengan itu, elemen struktur yang menjadi teras kepada kata **datang** dalam bahasa Melayu ialah entiti (TR) bergerak menuju ke satu destinasi, iaitu kedudukan penutur atau tempat yang dirujuk oleh penutur, iaitu (LM). Dalam senario pergerakan yang menyatakan maksud teras kata **datang** ini, yang diprofilkan ialah TR yang bergerak merentas satu ruang dalam masa tertentu dan juga LM yang menjadi destinasinya. Lihat contoh yang berikut:

- (1) Kintan dan Sukma **datang** mengambil bekas minuman.
- (2) Dua tiga ekor ayam **datang** memakan padi itu.
- (3) Mereka yang **datang** ingin mengadakan penyelidikan dan saya bangga dapat berkenalan dengan mereka.

Dalam (1) dan (2), kata **datang** menyatakan maksud pergerakan dalam ruang fizikal yang dilakukan oleh TR, iaitu *Kintan dan Sukma* dan *ayam* menuju ke LM, iaitu *bekas minuman* dan *padi* yang menjadi tempat rujukan penutur/penulis. Ada ketikanya LM tidak dinyatakan secara tersurat seperti dalam (3), tetapi secara tersirat TR *mereka* (3) tentu datang ke arah/tempat penutur/penulis. Berdasarkan penjelasan di atas, dan dengan sokongan bukti data korpus, kajian ini berpendapat bahawa makna (3) yang dirakamkan oleh KD3 lebih mencirikan konsep sebenar yang umum tentang **datang** berbanding dengan makna (1) yang lebih khusus, iaitu yang menjadi bahagian daripada makna terasnya. Oleh itu, kajian ini mencadangkan makna (3) tersebut diangkat sebagai makna teras kata **datang**. Tiga lagi variasi makna pinggirannya itu, dianggap sebagai penggunaan utama kata ini. Hal ini demikian kerana sifat maknanya masih literal dan menjadi bahagian penting daripada makna teras berbanding dengan makna terbitannya yang lebih abstrak.

Seperti yang dinyatakan di atas, data yang dianalisis menunjukkan bahawa ada tiga variasi lain yang membentuk makna teras kata **datang**. Yang pertama ialah makna yang menyatakan “bergerak dari suatu tempat ke arah penutur atau tempat yang dirujukinya” seperti (3) dan (4). Yang kedua pula, kata **datang** dalam (5) dan (6) digunakan untuk menyampaikan maksud pergerakan yang sedang “menghampiri penutur”. Variasi yang ketiga pula memperlihatkan makna “sampai atau tiba di tempat penutur” seperti yang diserlahkan oleh penggunaan (7) dan (8). Variasi yang kedua dan ketiga telah dirakamkan penggunaannya oleh KD3.

- (3) Tiba-tiba aku nampak Hisyam **datang** dari arah rumahku.
- (4) Seorang lelaki lain **datang** dari arah hilir menuju ke tempat kedua-dua lelaki itu berada.
- (5) Pak Janggut **datang** ke arah mereka bertiga.
- (6) Dia nampak Candran **datang** sambil berlari-lari anak.
- (7) Sa-telah baginda **datang** lalu bersemayam di-atas peterana.
- (8) “Hah, dah **datang** pun!” tegur Mak Cik Ayang.

Wujudnya ketiga-tiga variasi yang menjadi pinggiran kepada teras makna kata **datang** adalah disebabkan oleh ciri-ciri kombinatorial (*combinatorial properties*) kata ini dalam binaan sintaksisnya. Misalnya, untuk penggunaan (3) dan (4), kata sendi *dari* yang hadir selepas kata **datang** membantu menyerlahkan lagi skema PUNCA, iaitu tempat bermulanya pergerakan itu. Di sinilah yang lebih menonjol (*salient*) dan menjadi zon aktif, iaitu penumpuan rujukan makna. Dalam (5) pula, kehadiran kata sendi *ke* yang berfungsi menyatakan hubungan tempat dan juga mewujudkan skema LALUAN telah memberikan nuansa makna yang berbeza daripada makna teras atau akarnya tadi.

Peluasan Semantik Kata “Datang”

Kata **datang** yang makna terasnya bercirikan pergerakan dalam batas ruang fizikal atau konkrit telah meluas penggunaannya kepada pergerakan yang bersifat bukan konkrit, iaitu yang membabitkan mandala masa dan mandala abstrak. Kajian ini meramalkan bahawa makna terbitan kata **datang**, datangnya daripada yang teras dan juga daripada yang pinggiran, iaitu tiga variasi tadi.

1. Potensi Makna Baharu daripada Bukti Korpus

Selain makna yang dirakamkan oleh KD3, ada beberapa jumpaan pemakaian

kata **datang** yang berpotensi untuk dirakamkan di dalam kamus sebagai menambahkan lagi rentang maknanya.

Jadual 2 Pecahan makna baharu kata **datang** dengan contoh penggunaannya daripada bukti korpus.


	Definisi	Contoh Penggunaan
1	⁴ bkn org/sst: bergerak dari sst tempat ke arah penutur:	Tiba-tiba aku nampak Hisyam datang dari arah rumahku.
2	bkn sst: berpunca atau bersebab daripada	Kejayaan itu datang dari usaha yang gigih.
3	bkn sst: berlaku atau terjadi:	Penyakit ini datang dengan serta-merta.
4	bkn masa/musim: tiba	Malam akan datang mengambil tempat.

Berdasarkan barisan makna yang disenaraikan dalam Jadual 1 dan Jadual 2, pengkaji telah mengelompokkan sensa tersebut kepada beberapa kategori mengikut konsep yang dibawa oleh kata **datang** dalam penggunaannya yang tertentu. Selain kelompok makna teras dan variasi yang berpaut di bawah nodusnya yang telah dijelaskan di atas, ada empat lagi kelompok yang membentuk struktur radial kata **datang** ini. Yang pertama (1) sensa asal atau punca, yang kedua (2) gerak masa, yang ketiga (3) sensa gerak peristiwa dan yang akhir (4) sensa gerak minda. Untuk gambaran yang lebih jelas tentang struktur radial kata **datang**, satu lakaran jaringan semantikanya dipaparkan dalam Rajah 1. Daripada rajah tersebut, makna teras diwakili oleh bulat besar berwarna hitam penuh, manakala bulat kecil berwarna hitam penuh pula menunjukkan makna pinggiran atau variasi daripada makna terasnya. Makna terbitan yang bukan konkrit diwakili oleh bulatan hitam kecil yang bergelung. Bulatan kecil yang kosong pula mewakili gugusan/kelompok kategori sensa. Garis beranak panah menunjukkan kemungkinan arah peluasan sensa.

(a) Sensa asal/punca.

Dari segi pola sintaksisnya, sensa dalam gugusan ini sama binaannya dengan sensa pinggiran yang menyatakan maksud “bergerak dari sesuatu tempat ke arah penutur”. Kedua-duanya berbentuk *X datang dari Y*. Jika demikian

4 variasi daripada penggunaan teras.



Rajah 1 Jaringan semantik datang.

adanya, kesimpulan awal yang dapat dibuat ialah kedua-duanya ada perkaitan, dan sudah tentu yang awal menerbitkan yang kemudiannya. Walau bagaimanapun, sama-samalah kita telusuri perkaitan maknanya.

Di bawah kategori sensa ini, ada dua makna yang dapat diramalkan sebagai terbit daripada penggunaan sensa pinggiran “bergerak dari suatu tempat ke penutur”. Yang pertama telah dirakamkan oleh KD3, iaitu yang menyatakan maksud “berasal” (makna 4). Yang kedua pula adalah potensi baharu yang ditemui oleh pengkaji, iaitu kata **datang** dalam konteks ini dapat diparafrasakan sebagai “berpunca atau bersebab daripada”. Kedua-dua makna terbitan ini rapat perkaitannya. Walau bagaimanapun, pada pendapat pengkaji, ada nuansa makna yang membezakan antara satu dengan yang lain. Untuk maksud yang pertama, subjeknya lebih konkrit sifatnya, iaitu merujuk kepada manusia, manakala yang kedua pula lebih abstrak cirinya. Yang dimaksudkan dengan berasal ialah “bertempat asal”, iaitu seseorang itu berasal dari suatu tempat tertentu. Manakala, makna yang kedua pula lebih merujuk kepada hubungan sebab dan akibat. Untuk gambaran yang lebih jelas, perhatikan kedua-dua penggunaan kata **datang** ini.

- (9) Dia **datang** dari Switzerland.
- (10) Kejayaan itu **datang** daripada usaha yang gigih.
- (11) Kita mahu kemajuan yang **datang** daripada perubahan yang dinamik, yang sentiasa segar, walaupun tidak semestinya baru.

Dalam (10), kejayaan yang diperoleh tentulah berpunca atau bersebab daripada usaha yang gigih. Jelas sekali hubungan sebab dan akibat yang terpancar melalui penggunaan kata **datang**. Begitu juga dengan (11), kemajuan hanya boleh dicapai melalui usaha dan kerja keras. Untuk mencapai kemajuan diri, misalnya, langkah pertama yang perlu dilakukan adalah bermuhasabah supaya dapat dibina keyakinan yang lebih kukuh. Dengan cara ini sahaja akan datang perubahan dalam diri kita.

Bagaimanakah pergerakan fizikal pada makna teras **datang** tadi dapat dikaitkan dengan makna yang sedang dibicarakan ini? Peluasan penggunaan kata **datang** dalam (10) didasarkan pada pengalaman skema imej ATURAN LINEAR atau PUNCA – LALUAN – MATLAMAT yang kita depani saban ketika dalam hidup ini. Pewujudan makna ini diserlahkan lagi oleh metafora konsepsi ASAL SUATU ENTITI UMPAMA PUNCA SUATU PERGERAKAN. Setiap pergerakan dimulai dari suatu punca atau tempat, dan setiap manusia pula tentulah ada tempat asal-muasal dan tanah leluhurnya.

Untuk penggunaan (10) dan (11) pula, sensa ini wujud oleh sebab adanya motivasi metafora konsepsi PERISTIWA UMPAMA PERGERA-

KAN⁵ atau yang lebih khusus lagi BERSEBABNYA PERISTIWA UMPAMA BERPUNCANYA PERGERAKAN. Skema imej PUNCA – LALUAN – MATLAMAT lazimnya melibatkan daya gesaan atau dorongan yang seterusnya pula menjelaskan kita tentang konsep vektor objek yang bergerak (Radden, 1996). Daya vektor yang kita fahami selalunya berpunca daripada kita sendiri, binatang dan lain lagi. Misalnya, di sini, ditukil semula contoh yang diberikan oleh Johnson (1992), iaitu tentang kisah cawan yang di atas meja tidak akan bergerak dengan sendirinya, jika tidak ada daya, sama ada orang atau benda yang menggerakkannya. Begitu juga dengan pergerakan kita, lazimnya didorong oleh suatu tujuan kita bergerak ke suatu tempat. *Kejayaan* dalam (10) bersebab juga datangnya.

(b) Sensa gerak peristiwa.

Yang dimaksudkan dengan sensa gerak peristiwa oleh kajian ini ialah kata **datang** digunakan untuk memperlihatkan maksud wujud atau terjadinya suatu peristiwa atau aktiviti. Daripada contoh (12) hingga (14), kata **datang** dapat diparafrasakan sebagai “berlaku”.

- (12) Penyakit ini **datang** dengan serta-merta.
- (13) Peluang ini **datang** sekali saja.
- (14) Rasa panas ini **datang** untuk beberapa minit dan kadangkala berlaku berulang-ulang dalam masa sehari.

Kata **datang** dalam (12) hingga (14) tidak lagi menunjukkan pergerakan fizikal dalam batasan ruang yang konkrit, sebaliknya yang diperihalkan ialah keadaan dalam mandala yang abstrak. Pemanifestasian makna di atas didasari oleh metafora konsepsi yang umum, iaitu KEWUJUDAN UMPAMA LOKASI YANG DI SINI (EXISTENCE IS LOCATION HERE) (Lakoff, 1987) dan diperkemas pula oleh metafora konsepsi yang lebih khusus, iaitu WUJUDNYA SUATU KEADAAN UMPAMA YANG TIBA KE MARI. Apa-apa yang wujud di sekeliling kita, sudah tentu ada tempat kewujudannya. Malah kita menyedari bahawa entiti itu wujud atau berada di suatu tempat oleh sebab adanya kita di tempat itu. Jika tidak, tentulah kita tidak pasti kewujudannya. *Penyakit* (12) dan *rasa panas* (13) hanya kita sedari kewujudannya apabila terkena pada kita atau *datang* dalam badan kita.

(c) Sensa gerak minda.

Dalam sensa gerak minda ini, pengkaji mentafsirkan bahawa apa-apa yang

5 Disesuaikan dengan metafora konsepsi (ACTIVITY IS MOTION) (Lakoff, 1987).

difikirkan atau penderiaan minda (*mental sensing*) yang berlaku dilihat sebagai satu pergerakan minda, sama seperti pergerakan dalam ruang yang konkrit. Fakulti minda kita ini ibarat tubuh kita yang boleh bergerak ke sana ke mari. Sweetser (1993) telah mengkonsepsikan MINDA UMPAMA TUBUH kerana metafora ini dimotivasikan oleh korelasi antara pengalaman jasad (luaran) dengan pengalaman nurani (dalaman) seperti perasaan dan keadaan kognitif yang berasaskan kebiasaan dua mandala kognitif ini. Sebab itulah apabila minda kita membuat suatu perkaitan tentang sesuatu perkara, ada puncanya dan ada pula destinasiya (yang dikaitkan) (Yin, 2002). Oleh itu, alamilah sifatnya jika situasi ini dilihat secara metafora, iaitu laluan mental kita ini umpama laluan pergerakan dalam ruang yang fizikal. Contohnya dalam penggunaan kata **datang** yang berikut ini.

(15) Apabila ditanya bila perasaan cinta itu **datang**, Amran ketawa.

Dalam (15), apabila fikiran dan perasaan Amran dikaitkan dengan cinta, iaitu topik yang menjadi rujukan, pada ketika itu juga tercetus perasaan lain, iaitu rasa kelucuan pada dirinya. Di samping itu, metafora konsepsi lain yang turut beroperasi dalam peluasan makna kata datang untuk konteks sensa yang sedang dibicarakan ini adalah MINDA UMPAMA BEKAS. Fakulti minda kita diibaratkan sebagai ruang yang mempunyai elemen struktur yang bersempadan. Sesuatu yang “muncul” atau “tercetus” dalam fikiran dikaitkan umpama entiti yang sampai ke destinasiya dalam pergerakan di ruang fizikal. Contohnya seperti dalam (16) yang berikut:

(16) Pelbagai pertanyaan **datang** dalam benaknya.

(d) Sensa gerak masa.

Kata kerja **datang** turut digunakan untuk memperlihatkan pergerakan dalam mandala masa. Di bawah gugusan sensa ini, berpecah tiga pecahan makna, iaitu dua makna telah dirakamkan oleh KD3 dan satu lagi potensi makna baharu yang ditemukan oleh kajian ini. Kata **datang** digunakan untuk merujuk kepada rentang waktu (makna 5), iaitu daripada satu titik permulaan masa hinggalah ke satu titik masa yang lain.⁶ Yang kedua pula sebagai rujukan masa yang akan tiba (7) dan akhir sekali sebagai menunjukkan ketibaan suatu masa atau musim. Ketiga-tiga makna ini terserlah dalam penggunaan yang berikut:

(17) ... pelangnya itu pun ada lagi **datang** sekarang.

(18) Beliau berharap pertandingan seperti ini dapat diteruskan lagi pada

6 Daripada bukti data sinkronik, kajian mendapati bahawa kata **datang** untuk maksud ini tidak lagi digunakan.

masa-masa akan **datang**.

(19) Malam **datang** mengambil tempat.

Ketika-tiga penggunaan kata **datang** di atas memperlihatkan masa sebagai entiti yang bergerak. Peluasan sensa ini berasaskan motivasi metafora konsepsi MASA UMPAMA RUANG (TIME IS SPACE) (Trogott dan Heine, 1991) dan untuk konteks sensa yang sedang dibicarakan pula berdasarkan subkategorinya yang lebih khusus, iaitu BERLALUNYA MASA UMPAMA BERGERAK DI RUANGAN.

2. Penyusunan Semula Makna “Datang”

Setelah dijelaskan struktur radial dan penstrukturan makna kata kerja **datang** di atas, kajian ini mencadangkan penyusunan semula makna untuk entri ini di dalam kamus seperti yang dipaparkan dalam Rajah 2. Lakaran perwajahan kamus dalam Rajah 2 ialah cadangan makalah ini sahaja sebagai memudahkan kita melihat makna teras dan perkaitannya dengan subsensa yang terbit di bawahnya. Dalam Rajah 2 itu, penggunaan teras diberikan angka arab, manakala setiap subsensa yang terbit di bawahnya akan diawali oleh tanda “◆”. Angka arab yang dihitamkan dan yang diapit oleh tanda kurung siku, contohnya [2] menandakan nombor sensa yang dicatatkan oleh KD3. Manakala [B] mewakili sensa baharu yang ditemukan oleh pengkaji daripada data korpus yang dianalisis.

datang

- 1 pergi (berjalan, bergerak, dsb) sehingga sampai di sesuatu tempat (atau utk menemui seseorang dsb) [3]: *saya akan mencuba ~ dua kali seminggu;*
 - ◆ berlaku atau terjadi [B]: *Penyakit ini ~ dng serta merta;* “muncul, timbul[6]: *tiba-tiba ~ suatu fikiran di kepalanya;*” hingga, sampai (bkn jangka masa dsb) [5]: *adapun tempat Merah Silu beroleh gelang-gelang itu, Padang Gelang-Gelanglah namanya ~ sekarang;*” yg akan tiba, hadapan, kemudian (bkn jangka masa dsb) [7]; “masuk ke peringkat masa atau musim tertentu, tiba [B]: *Malam ~ mengambil tempat.*
- 2 bergerak dari suatu tempat sehingga sampai ke seseorang atau suatu tempat [B]: *Tiba-tiba aku nampak Hisyam ~ dari arah rumahku;*
 - ◆ berasal (dr) [4]: *dia ~ dr Kedah;*” berpunca atau bersebab (dr) [B]: *Kejayaan itu ~ dr usaha yg gigih;*
- 3 bergerak menghampiri seseorang atau sesuatu tempat [2]: *dia melambai-lambai tangan dan terus ~ ke tempat kami sedang duduk;*
- 4 sampai, tiba (di sesuatu tempat) [1]: *setelah ~ di balai, maka surat itu pun disuruh baca; hari telah jauh malam, tetapi Ali tidak ~ juga;*

Rajah 2 Cadangan penyusunan semula makna entri **datang**.

KESIMPULAN

Daripada analisis kata **datang** di atas, kajian ini mendapati bahawa struktur semantik kata ini terbina atas landasan yang bersistem dan berprinsip – makna terbitan berpunca daripada makna teras. Makna kata ini dapat dilihat sebagai satu gugusan pengetahuan yang berstruktur. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kepolisemian kata **datang** itu bersifat “holistik kedua-duanya (kedua-duanya membentuk satu keseluruhan) dan bersifat berhubung kait (kedua-duanya menunjukkan aspek yang berbeza, berkaitan)” (Martin, 1997:65). Dengan kata lain, pembentukan struktur semantik sebagai hasil daripada pelbagai ranah penggunaan itu sememangnya lazim sifatnya kerana setiap sensa yang membentuk jaringan radial itu diorganisasikan oleh satu kaedah atau prinsip yang bermotivasi (Schönefeld, 1999).

Daripada percubaan menerapkan penyusunan makna entri **datang** mengikut pengendalian kata yang berpolisemi seperti yang ditawarkan oleh analisis linguistik kognitif, kajian ini mendapati bahawa pendekatan linguistik kognitif ini berpotensi untuk disinergikan dengan praktis perkamusan. Dampaknya bukan sahaja penyajian makna itu lebih harmoni sifatnya (Fillmore dan Atkins, 2002) malah perakaman maklumat leksikon Melayu itu lebih tekal dan sistematik juga sifatnya. Percubaan ini sekali gus berbeza daripada amalan perkamusan yang lazim, iaitu menerapkan pendekatan pencar makna dengan setiap sensa suatu kata yang berpolisemi itu diasing-asingkan kepada kelompok makna yang tidak berkaitan kerana hanya sekadar memenuhi tuntutan kekerapan penggunaan.

Di sisi yang lain pula, penyelidik dan pembina sistem NLP amat memerlukan sebuah kamus yang bukan sahaja tuntas senarai leksikannya malah yang lebih penting adalah sistematik dan tekal kandungan maklumatnya. Di sinilah timbulnya pula tanggungjawab pekamus untuk memahami keperluan NLP sekiranya kedua-dua pihak ini ingin bekerjasama dan mendapat manfaat daripada kemajuan teknologi maklumat. Makalah ini berpandangan, pengendalian makna untuk kata yang berpolisemi di dalam kamus dengan kerangka linguistik kognitif ada potensinya dalam membantu memudahkan usaha pembangunan sistem leksikon elektronik. Dengan pendekatan linguistik kognitif, kita dapat melihat bagaimana suatu konsep itu distrukturkan dan disusunaturkan dalam sistem konsepsi kita. Misalnya, analisis kategori radial di bawah kerangka kerja linguistik kognitif menawarkan satu pendeskripsian makna yang sistematik. Analisis ini sekurang-kurangnya dapat dimanfaatkan oleh penyelidik dan pembina

sistem NLP untuk membangunkan pangkalan leksikon elektronik bahasa Melayu. Kesistematikan pendeskripsian itu akan menjadikan maklumat makna sesuatu leksem itu lebih tuntas, kaya dan tekal.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar, 1993. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Csábi, Szilvia, 2002. "Polysemous Words, Idioms and Conceptual Metaphors Cognitive Linguistics and Lexicography". dlm. *Euralex 2002 Proceedings*. Copenhagen:
- Cuyckens, Hubert dan Zawada, Britta (ed.), 1997. *Polysemy in Cognitive Linguistics*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Fillmore, Charles J. dan Atkins, Beryl T., "Describing Polysemy: The Case of 'Crawl'" dlm. Ravin, Yael dan Leacock, Claudia. hlm. 91 – 110, 2002.
- Dirven, René, "Metaphor as a Basic Means for Extending the Lexicon" dlm. Paprotte, Wolf dan Dirven, René (ed.). *The Ubiquity of Metaphor: Metaphor in Language and Thought*, hlm. 85 – 119, 1985. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Geeraerts, Dirk, "The Definitional Practice of Dictionaries and the Cognitive Semantic Conception of Polysemy" dlm. *Lexicographica* 17, hlm. 6–21, 2001.
- Gibbs, Raymond W. dan Steen, Gerard J. (ed.), 1997. *Metaphor in Cognitive Linguistics*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Imran Ho Abdullah, "Peluasan Semantik Kata Sifat Rasa: Manis, Masam, Pahit, Masin dan Tawar" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 44:5, hlm. 563 – 572, 2000.
- Johnson, Mark, 1992. *The Body in the Mind: The Bodily Basis of Meanings, Imagination, and Reason*. Chicago/London: The University of Chicago Press.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga*, 1996. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lakoff, George, 1987. *Women, Fire and Dangerous Things: What Categories Reveal about the Mind*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Langacker, Ronald W., 1987. *Foundations of Cognitive Grammar Vol I: Theoretical Prerequisites*. Stanford: Stanford University Press.
- Martin, Willy, "A Frame-Based Approach to Polysemy" dlm. Cuyckens, Hubert dan Zawada, Britta. hlm. 57 – 81, 1997.
- Meer, Geert Van Der., "Metaphors and Dictionaries: The Morass of Meaning or How to Get Two Ideas for One" dlm. *International Journal of Lexicography* 12:3, hlm. 195 – 208, 1999.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 2002. "Masalah Polisemi dalam Perkamusan: Satu Penyelesaian Semantik Kognitif". Kertas kerja dlm. *International Workshop on Lexicology*. Pusat Studi Jepang, Universitas Indonesia, Jakarta, 16 – 17 Disember 2002.
- Radden, Günter, "Motion Metaphorized: The Case of Coming and Going" dlm.

- Casad, Eugene H. (ed.), 1996. *The Expansion of a New Paradigm in Linguistics*. Berlin/New York: Mouton de Gruyter.
- Ravin, Yael dan Leacock, Claudia (ed.), 2002. *Polysemy: Theoretical and Computational Approaches*. Oxford: Oxford University Press.
- Schönefeld, Doris, “Corpus Linguistics and Cognitivism” dlm. *International Journal of Corpus Linguistics* 4:1, hlm. 137 – 171, 1999.
- Sweetser, Eve, 1993. *From Etymology to Pragmatics: Metaphorical and Cultural Aspects of Semantic Structure*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Taylor, John R., 1989. *Linguistic Categorization: Prototype in Linguistic Theory*. New York: Oxford University Press.
- Ungerer, Friedrich dan Schmid, Hans-Jörg, 1996. *An Introduction to Cognitive Linguistics*. Essex: Addison Wesley Longman Limited.
- Yin, Hui, 2002. “A Cognitive Approach to the Japanese Verb *Kuru* (Come)” dlm. <http://edocs.lib.sfu.ca/projects/NWLC2002/NWLC2002-Proceedings-Yin.pdf>
- Traugott, Elizabeth Closs dan Heine, Bernd (ed.), 1991. *Approaches to Grammaticalization Vol. I*. Amsterdam/Philadelphia: John Benjamins Publishing Company.